

## PENGUKUHAN NILAI TERAS UMP DALAM PROGRAM ENGINEER HUFFAZ DAN CABARAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0: KAJIAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Dr Rashidi Bin Abbas<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Email: rashidi@ump.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengkaji program engineer huffaz dan cabaran dalam menghadapi revolusi industri 4.0 pada masa kini. Responden kajian terdiri dari 15 orang pelajar yang terpilih dalam program tahfiz yang dikendalikan bersama oleh Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan dengan PIMPIN UMP. Responden kajian terdiri dari pelajar di fakulti kejuruteraan meknikal, kejuruteraan elektrikal dan kejuruteraan pembuatan kampus Pekan. Hasil kajian diperolehi dari pelajar ialah untuk menghadapi cabaran revolusi industri 4.0 dalam konteks UMP, penyediaan platform program yang selaras dengan nilai teras yang telah dibina mesti diperkuuhkan dalam diri setiap pelajar. Nilai teras UMP ini menjadi tunjang kepada staf dan pelajar untuk mencapai hasrat kecemerlangan. Nilai teras pertama yang dipersetujui bersama oleh pihak pengurusan tertinggi UMP ialah hubungan yang kuat dengan Pencipta, dalam konteks ini seharusnya ilmu wahyu diintegrasikan bersama di dalam program engineer huffaz yang diwujudkan. Nilai teras yang dipupuk dalam program huffaz merupakan pemangkin cabaran kepada revolusi industri 4.0. Nilai teras ini dapat melahirkan pelajar yang teguh dalam mempertahankan prinsip diri dan nilai kemanusiaan sejagat.

**Kata Kunci:** Engineer Huffaz, Nilai Teras, Revolusi Industri 4.0.

---

### Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dengan fokus Lonjakan Pertama (PPPM) (PT) 2015-2025 adalah untuk melahirkan pelajar yang holistik, berminda keusahawanan dan seimbang. Sehubungan dengan itu, atribut pelajar dan graduan akan berdasarkan kepada aspirasi pelajar yang dinyatakan di dalam PPPM (PT) 2015-2025 mempunyai imbangan di antara akhlak (etika dan moral) dan ilmu (pengetahuan dan kemahiran). PPPM ini selari dengan Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2016-2020 iaitu Lonjakan Satu-Keunggulan Akademik dan Lonjakan Lima-Keunggulan Jenama. Justeru itu, Program Engineer Huffaz ini diadakan berlandaskan nilai teras Universiti Malaysia Pahang yang pertama iaitu hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta dengan matlamat memberikan pendidikan seimbang dunia dan ukhrawi kepada mahasiswa/mahasiswi UMP. Matlamat utama pelaksanaan program ini adalah untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Program perintis engineer huffaz ini telah dilaksanakan pada semester 11

ambilan Feb 2017/2018. Pengambilan projek perintis ini hanya di kampus Pekan sahaja seramai 15 orang pelajar. Pelajar yang mengikuti program ini terdiri dari pelbagai fakulti seperti fakulti kejuruteraan Mekanikal, fakulti kerujuteraan elektrik dan fakulti kejuruteraan pembuatan.

### **Latar Belakang Kajian**

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi memperkasakan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini. Memandangkan kepada minat dan tren masyarakat terhadap pendidikan tahfiz sangat tinggi ketika ini dalam sistem pendidikan di Malaysia. Permintaan ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah yang menawarkan kelas tahfiz telah melebihi dari tawaran dan kesanggupan pihak yang menyediakannya. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa sekolah aliran menghafal al-Quran atau tahfiz al-Quran mula mendapat perhatian masyarakat. Maahad tahfiz tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Apa yang menarik ialah setiap Maahad tahfiz menawarkan pendekatan dan rekabentuk kurikulum yang pelbagai dan tersendiri. Ada institusi yang menawarkan program hafazan al-Quran di peringkat Ijazah, diploma (selepas SPM), sekolah menengah, sekolah rendah, peringkat pra sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak. Terdapat juga usaha secara persendirian yang dilakukan oleh ibubapa tertentu kepada anak masing-masing secara cuba jaya. Matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan setiapnya berbeza-beza antara satu-sama lain. Sebahagian daripadanya memberi penumpuan sepenuhnya kepada aspek hafazan al-Quran semata-mata. Manakala sebahagiannya yang lain memberi perimbangan kepada beberapa komponen lain dengan kadar yang berbeza-beza selain daripada hafazan al-Quran seperti pengajian akademik (yang ditawarkan oleh sekolah aliran perdana), pengajian kitab kuning (turath) dalam bahasa Arab di pondok-pondok, aliran sains, kemahiran-kemahiran tertentu (seperti vokasional) dan lain-lain.

Kepelbagaiannya ini diandaikan mempunyai justifikasi, matlamat dan halatuju yang berbeza antara pelbagai pihak yang terlibat. Pertama, pihak ibubapa tentunya mempunyai matlamat dan justifikasi yang tersendiri mengenai pemilihan tempat dan jenis maahad tahfiz tersebut. Malaah ada di kalangan ibubapa menghantar anak mereka untuk menghafal seterusnya menyambung untuk pengajian kitab. Demikian juga pihak individu atau organisasi yang menubuhkan institusi tahfiz al-Quran tersebut tentunya mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri. Perkara yang sama juga berlaku di peringkat kerajaan negeri atau kerajaan pusat yang turut menawarkan sistem pengajian aliran tahfiz al-Quran. Harapan dan matlamat antara ketiga-tiga pihak tersebut mungkin seiringan antara satu sama lain dan mungkin juga berbeza atau bertentangan antara satu sama lain. Sesetengah pihak mungkin mahukan matlamatkan akhir pengajian tersebut ialah untuk melahirkan golongan ulama pewaris nabi seperti imam al-Syafie (tokoh lampau) atau Dr. Yusuf al-Qaradhawi (tokoh kontemporari). Pihak lain mungkin lebih berminat untuk melahirkan sekelompok cendekiawan muslim yang hebat seperti Ibnu Sina atau al-Khawarizmi dan seumpamanya. Pihak yang lain pula mungkin lebih realistik dengan mengharapkan akan lahirnya sejumlah golongan profesional yang menghafal al-Quran atau sebahagiannya dan berkeperibadian tinggi atau sekadar seorang muslim yang baik dalam erti kata tidak menyusahkan masyarakat meskipun tidak memberi sumbangan yang bermakna kepadanya. Perkembangan dan kepelbagaiannya ini adalah sesuatu yang amat menarik untuk dikaji kerana impaknya kepada generasi masa hadapan adalah besar.

Justeru itu, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sedang merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi memperkasakan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini. Dasar ini sangat tepat pada masanya memandangkan pendidikan tahfiz mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat namun ini perlu dirangka dengan lebih jitu agar kurikulumnya dapat diselaraskan. Dasar pendidikan tahfiz ini perlu bersifat menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan dalam bacaan dan hafalan semata-mata. Bagaimana keseimbangan dapat dicapai antara hafalan dan kefahaman agama serta kecemerlangan akademik perlu menjadi

matlamat. Objektif ini penting agar masyarakat tidak keliru dan tersalah anggap bahawa menghafal al-Quran ini menjaskan prestasi akademik dan lebih berat lagi menganggap ini satu beban baru untuk dipikul. Seharusnya, kurikulum tahniz nasional dirangka sebaiknya agar berbeza dengan aliran tahniz tradisional dari segi aspek metodologi pelaksanaan, pedagogi dan strategi pembelajaran.

### **Permasalahan Kajian**

Jika dahulu aliran tahniz ini agak eksklusif dan terbuka hanya kepada mereka yang berada dalam pengkhususan dalam bidang agama, namun kini menghafal al-Quran lebih terbuka dan inklusif kepada semua pelajar yang berminat serta penawaran ini juga tertakluk kepada semua institusi yang mempunyai fasiliti penawaran yang mencukupi untuk menjalankan program tahniz ini, samada di peringkat pra persekolahan, sekolah rendah, sekolah menengah, penawaran di peringkat Institusi Pengajian Tinggi yang berbentuk sijil, diploma dan juga ijazah.

Kajian ilmiah menunjukkan bahawa proses hafalan al-Quran melatih proses mental untuk menjadi seorang Muslim yang baik. Perjalanan menghafaz al-Quran memerlukan disiplin yang tinggi dan secara tidak langsung membudayakan peribadi atau sahsiahan yang baik. Proses hafalan al-Quran adalah satu demonstrasi tingkah laku yang melibatkan disiplin mental dan fizikal. Proses hafalan dan pengulangan akan sentiasa berlaku berulang-ulang secara berterusan selain keperluan menjaga adab-adab memerlukan komitmen yang tinggi. Ini adalah manifestasi tingkah laku berdasarkan disiplin dan dianggap terpuji dalam Islam. Oleh itu, tidak menghairankan apabila ibu bapa Muslim yang menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah aliran perdana tetap mahu anak-anak mereka untuk menghafal walaupun hanya beberapa ayat al-Quran kerana menyakini ‘mukjizat’ ini mampu mendisiplinkan mereka. Sehubungan dengan kebejatan akhlak yang terjadi kepada para remaja sekolah telah menyedarkan pihak kerajaan dan ibubapa untuk mengekang permasalahan ini dari terus merebak dan menjadi virus kepada seluruh rakyat Malaysia. Pemuda adalah pemimpin masa hadapan dan menjadi sandaran negara ke arah melahirkan generasi yang berilmu dan bertaqwa.

### **Objektif Program Engineer Huffaz**

- 1) Dapat menghafal 30 juzuk dan beramat dengan al-Quran.
- 2) Melahirkan profesional yang mempunyai asas kerohanian yang mantap yang dapat mengekang cabaran industri semasa.
- 3) Melahirkan generasi al-Quran yang beriman, berketerampilan dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.
- 4) Membentuk nilai tambah (soft skills) pelajar UMP dengan kemahiran teknikal dan tahniz quran.
- 5) Membina jambatan sambungan hafazan pelajar yang telah dihafal di peringkat sekolah.

### **Operasi Pelaksanaan Engineer Huffaz**

#### **Pelaksanaan Engineer Huffaz**

##### **1) Pengambilan**

- Hanya terbuka kepada 30 orang mahasiswa tahun pertama yang sedang mengambil ijazah di Kampus Pekan dan Kampus Gambang.
- Pelajar yang berjaya untuk temuduga akan dipanggil melalui khidmat pesanan ringkas (SMS)
- Borang rekod kemasukan akan direkodkan di Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan.

**2) Syarat-syarat Kelayakan**

- Mampu membaca Al-quran dengan baik
- Boleh menghafaz 1 muka dalam masa 1 jam.
- Lulus temuduga
- Komitmen dalam mematuhi jadual yang telah ditetapkan melalui surat akujanji.

**3) Waktu Pembelajaran**


8.00 pagi hingga 10.00 pagi ( 3 kali pertemuan dalam seminggu )	Tasmik
7.45 malam hingga 8.45 malam	Hafazan
9.00 Malam hingga 10.00 Malam ( Sekali pertemuan dalam seminggu )	Kelas Al-Quran ( Maharatul Quran )

**Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) Dan Engineer Huffaz Ump**

Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) melibatkan teknologi automasi memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan mereka melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital itu untuk kekal berdaya saing dan berdaya maju. Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu dalam aspek teknologi yang akan membantu kerja-kerja manusia. Maksud pembaharuan di sini ialah bagaimana kaedah kehidupan yang diperbaharui menggunakan teknologi, bukan memperbaharui teras agama yang bersifat qat'ie yang tidak boleh diubah. Dengan kata lain, teknologi automasi itu dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung. Industri 4.0 juga dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga yang secara signifikan akan mengubah masa depan dunia pekerjaan.

Kerajaan Malaysia telah merangka elemen cabaran Industri 4.0 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Selain menyifatkan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sebagai satu langkah ke hadapan serta menyifatkan pelan pembangunan pendidikan tinggi yang merangkumi 10 lonjakan itu sebagai rangka kerja naratif sangat baik bukan sahaja untuk masa depan tetapi untuk hari ini.

UMP telah membuat inisiatif dan telah mewujudkan langkah paling inovatif untuk menentukan bagaimana pelajar akan menjadi pemain signifikan dalam ekonomi global pada masa hadapan. Justeru itu, apa pun bidang ilmu dan pendidikan mesti dijadikan sebagai teras dalam usaha mempersiapkan pelajar dan graduan menangani cabaran baharu revolusi itu. Justeru itu, UMP telah memperkasakan aspek kemanusiaan untuk menghadapi cabaran revolusi industri 4.0. dengan bertemakan nilai teras yang telah dibina dan dipersetujui bersama oleh pihak pengurusan tertinggi. Nilai teras tersebut seperti di bawah:



### **Nilai Teras UMP dan cabaran Revolusi Industri 4.0**

Hasrat dan aspirasi kerajaan adalah untuk melahirkan generasi ulul albab berkemahiran tinggi antara teknikal/sains dan tafhiz al-Quran. Gabungan ini akan mampu melahirkan generasi ulul albab yang memberi manfaat kepada negara, bangsa dan agama. Jika di tinjau dari aspek perkembangan bidang tafhiz di Malaysia, kita dapatkan bahawa kurikulum ulul albab telah dilaksanakan di 15 buah sekolah di seluruh Malaysia, sementara kurikulum bersepadau tafhiz telah dilaksanakan di 31 buah sekolah SMKA. Sementara di bawah kerajaan negeri yang menawarkan kurikulum tafhiz sebanyak 21 buah sekolah. Dengan perkembangan ini menjadi kayu ukur bahawa keseriusan kerajaan untuk menyantuni golongan remaja menjadi golongan yang baik dan berakhhlak mulia. Justeru itu, walaupun dengan kehadiran revolusi industri 4.0 ketika ini, kita sebagai seorang Muslim sudah tentu perlu mengukuhkan aspek kerohanian untuk ketahanan diri apabila berdepan dengan cabaran industri dalam konteks semasa. Kewujudan program engineer huffaz ini sebagai satu wadah untuk pengukuhan dengan yang Maha Esa. Kita sedia maklum bahawa apabila seseorang selalu bedamping dengan al-Quran akan menjadikan peribadi penghafal atau pembacanya menjadi peribadi yang baik dan cemerlang. Seterusnya penghafal al-Quran akan sentiasa berpegang teguh kepada prinsip berdasarkan kepada penafsiran al-Quran yang sahih. Justeru itu, pihak UMP mengharapkan dengan program engineer huffaz ini bukan semata-mata dizahirkan dalam bentuk hafazan di mulut semata-mata tetapi juga mereka perlu memahami isi kandungan al-Quran seterusnya mempertahankan prinsip yang terkandung di dalamnya serta diamalkan di dalam kehidupan seharian. Walaupun kita mengakui bahawa perkembangan industri 4.0 dapat membawa satu dimensi baharu kepada masyarakat, tetapi kita jangan terpedaya dengan hujah-hujah yang kadang kala boleh merosakkan akhlak dan akidah seorang Muslim apabila tiada ketahanan diri dari aspek kemanusiaan untuk menangani revolusi industri 4.0 ini. Pembinaan manusia merupakan aset dan pemacu kepada organisasi seperti UMP untuk cemerlang atau sebaliknya. Seterusnya pihak UMP telah mengambil inisiatif untuk menghadapi cabaran industri 4.0 terhadap pelajar-pelajar UMP secara khususnya, di antara program kerohanian yang dilaksanakan ialah:

- 1) Menjadikan solat berjemaah sebagai agenda utama dalam sehari pelajar. Pelajar-pelajar perlu dididik agar menjaga solat bukan secara berjamaah walau dimana mereka berada untuk keteguhan dan jati diri.
- 2) Menjadikan solat malam sebagai rutin untuk diamalkan kerana solat malam ini tidak dapat dipisahkan dengan al-Quran atau penghafaz al-Quran.

- 3) Program-program yang boleh membawa kepada kemungkaran dan kelalaian mesti dijauhi dan ditinggalkan serta-merta.
- 4) Kelas-kelas tafaquh fiddin yang dilaksanakan di masjid mesti diikuti untuk kefahaman yang mendalam terhadap Islam dan al-Quran.
- 5) Menjadikan senjata doa sebagai penguat kepada penghafaz al-Quran. Doa mesti sentiasa dimunajatkan agar dapat terhindar dari segala perkara yang tidak diingini.

### **Perbincangan**

Dari segi falsafah, tujuan terakhir pendidikan adalah untuk melahirkan individu Muslim yang seimbang, menyeluruh dan bersepadu berdasarkan ajaran Islam sesuai dengan misi penciptaannya sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. Salah satu ciri yang penting untuk mencapai falsafah tersebut ialah menghafaz al-Quran yang menjadi sumber rujukan tertinggi bagi umat Islam. Untuk melahirkan para huffaz secara sistematik, institusi yang sesuai perlu ditubuhkan dan dikoordinasikan mengikut acuan Malaysia. Berdasarkan data yang diterima, ada dua kategori penting yang perlu dibezakan iaitu objektif untuk melahirkan insan salih secara minimum dengan menguasai ilmu-ilmu asas agama dan cita-cita melahirkan para ulama dan profesional yang menghafaz al-Quran. Kategori pertama meliputi semua individu muslim manakala kategori kedua adalah individu terpilih dan berkebolehan. Kategori pertama banyak dilaksanakan oleh maahad tahfiz persendirian yan menerima semua pelajar tanpa syarat-syarat yang ketat. Melihat keapda perkembangan semasa Maahad persendirian juga telah meletakkan syarat minima untuk kemasukan pelajar-pelajar. Namun demikian, mereka lebih menumpukan kepada ajaran asas agama dan hafazan semata-mata. Dengan persekitaran yang tersendiri (iklim dini), pelajar dididik supaya mempelajari dan menghayati agama serta menghafaz mengikut kemampuan masing-masing. Tiada tekanan diberikan kepada pelajar. Mereka hanya fokus kepada hafazan dan asas agama. Tiada bekalan lain kepada pelajar seperti subjek-subjek akademik yang ditawarkan oleh KSSR dengan pelbagai aliran atau qiraat atau pengajian agama atau bahasa Arab. Antara kelebihan institusi ini ialah penguasaan ilmu fardhu ain dan hafazan al-Quran (fardhu kifayah) yang mantap dan menyeluruh. Institusi ini tidak menyediakan kelengkapan lain dari aspek fardhu kifayah untuk menjadi khalifah yang berkesan seperti ilmu aqli, kemahiran Bahasa Arab dan Qiraat untuk memahami hafazan al-Quran dan kemahiran kehidupan. Ini bermakna pelajar tersebut perlu meneruskan perjalanan pengajian dan kehidupannya di tempat yang lain dan menggunakan bekalan yang telah dipersiapkan.

Kategori kedua lebih bersifat mengkhusus di mana pihak kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melahirkan sekelompok manusia yang mempunyai peranan yang besar dalam masyarakat iaitu para ulama dan profesional. Dalam tradisi Islam, ciri-ciri yang ada pada ulama, professional dan umarak berada pada diri seseorang muslim yang layak dan berkebolehan. Tokoh-tokoh seperti Umar al-Khattab, Ibnu Sina dan lain-lain lagi terangkum padanya semua ciri-ciri tersebut. Walau bagaimanapun akibat dari penjajahan yang lama, tradisi tersebut diganti dengan fahaman dualisme dan sekularisme yang memisahkan disiplin ilmu ini. Untuk mengembalikan semula umat Islam pada tradisi yang asal bukanlah perkara mudah. Untuk itu kerajaan telah membuat penkususan untuk melahirkan insan bersepadu dengan menggabungkan semula pengajian agama dan sains moden dan dikukuhkan lagi dengan hafazan al-Quran. Kewujudan Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah-sekolah Tahfiz seolah-olah menggambarkan pengkhususan tersebut di mana sekolah diharapkan akan melahirkan para ulama huffaz dan IPTA akan melahirkan professional huffaz. Berdasarkan pola yang ada, timbul pertanyaan apakah pendekatan terbaik untuk mendekatkan dikotomi antara ulama dan profesional atau melahirkan insan yang bersepadu. Kategori pertama hanya berjaya menyelesaikan tuntutan fardhu ain dan ia sangat penting untuk dijadikan asas untuk membina insan yang bersepadu. Walau bagaimanapun, ia tidak berupaya untuk melahirkan insan

bersepada sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah Kebangsaan sehingga pelajar berkenaan menyempurnakannya di tempat yang lain. UMP dilihat lebih berpotensi untuk melahirkan insan bersepada. Pelajar akan diajar dengan ilmu fardhu ain malahan dibekalkan dengan ilmu pengajian agama serta dimantapkan lagi dengan hafazan al-Quran serta qiraat. Pelajar juga dipersiapkan dengan ilmu sains moden untuk membolehkan mereka menjadi seorang professional yang menghayati agama. Konsep kesepadan lebih menonjol di UMP di mana pelajarnya dipersiapkan dengan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah (pengajian pengkhususan agama, Bahasa Arab, matapelajaran universiti, matapelajaran kementerian dan hafazan al-Quran). Dari matlamatnya dapat diperhatikan secara jelas bagaimana UMP berhasrat untuk menyepadukan ilmu syarie dan ilmu waqie. UMP ingin melahirkan para huffaz di mana penekanannya berorientasikan kepada ulama hafiz yang professional yang teguh hubungannya dengan Maha Pencipta.

### Rumusan

Melahirkan para huffaz adalah fardhu kifayah. Pelaksanaan tuntutan ini sewajarnya dikepalai oleh pihak kerajaan secara terancang dan sistematik. Pihak kerajaan seharusnya mempunyai dasar, falsafah dan halatuju yang jelas tentang pendidikan termasuklah institusi tahfiz. Masyarakat memerlukan dua jenis tahfiz. Pertama, institusi yang bersifat eksklusif, selektif dan pengkhususan untuk melahirkan para ulama huffaz dan profesional huffaz yang bersepada, menghayati agama, berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memimpin negara berdasarkan acuan Islam. Masyarakat juga memerlukan institusi tahfiz yang bersifat inklusif, terbuka dan bercirikan pembinaaan watak serta keperibadian mulia untuk memberi peluang kepada semua pelajar yang berminat termasuklah mereka mempunyai permasalahan akhlak. Kerajaan perlu menyokong, membantu dan menyelaras kedua-dua kategori ini agar mencapai tercapai matlamatnya untuk melahirkan insan yang seimbang yang diimpikan oleh semua orang.

Walau bagaimanapun, semua maahad tahfiz di Malaysia disaran untuk menyemak kembali saranan Persidangan Pendidikan Islam Sedunia Kali Pertama di Mekah (1977) di mana seluruh negara Islam digesa agar melaksanakan konsep pendidikan bersepada untuk menghapuskan sistem pendidikan umat Islam yang masih bersifat dualis dan sekular. Umat Islam perlu keluar dari sistem pendidikan yang meneruskan dikotomi antara ilmu agama/naqli dan ilmu sains moden/aqli. Justeru, kefahaman mengenai konsep hierarki ilmu sangat penting untuk meletakkan sistem pendidikan pada landasan yang tepat. Tidak semua pelajar perlu menjadi hafiz tetapi kita memerlukan sejumlah para huffaz yang dianggap mencukupi dalam sesebuah kawasan atau tempat yang berperanan sebagai sebagai tempat rujukan untuk menjaga keaslian al-Quran. Walau bagaimanapun Islam menuntut semua umatnya menjadi insan salih yang seimbang, sepadu dan menyeluruh. Justeru, konsep pendidikan bersepada adalah sesuatu yang sangat asas dan diperlukan di semua peringkat pengajian termasuklah di maahad tahfiz. Hasil sebenar dan terakhir dari agenda pendidikan bersepada ialah pada orangnya. Orang yang dimaksudkan itu seharusnya individu yang berilmu, mempunyai pandangan hidup yang jelas terhadap Islam, komited beramal dengannya secara konsisten dan meletakkan Islam sebagai matlamat dan wadah perjuangan dalam kehidupannya.

### Bibliografi

- Ahmad Khalid Allam Dr, Ir (2007). *Al-Quran Dalam Keseimbangan Alam dan Kehidupan*. Jakarta: Gema Insani.  
Amru Khalid (2007), *Menjadi Insan Berkredibiliti*. Jasmin Enterprise: Kuala Lumpur.  
Abdurrahman Lubis (2011). *Tips Menghafal Al-Quran Bagi Profesional*. Selangor: Pustaka Al-Ehsan.

- Ahmad Asri Lubis Abu Samah (2010). *Etika Belajar & Mengajar Al-Quran*. Kuala Lumpur: Yamani Angle.
- Ahmad Khalid Allam Dr Ir. (2007). *Al-Quran Dalam Keseimbangan Alam Dan Kehidupan*. Jakarta: Gema Insani.
- Amjad Qasim (2014). *Menghafal Al-Quran Dalam Sebulan*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Asmawati Desa, Zulaiha Ali Othman, Rosmila Sidek (ed) (2009). *Menjana Modal Insan Cemerlang*. Kelantan: Kolej Teknologi Darul Naim.
- Azhar Hj Wahid & Zawawi Jahya (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjung Malim: UPSI.
- Clinton Bennett (2013). *Interpreting The Quran*. London: Continuum International Publishing Group.
- Carl W. Ernst (2012). *How To Read The Quran*. UK: Edinburgh University Press.
- Fadal Hassan Abbas (2010). *Wacana Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Farid Esack (2006). *Menghidupkan Al-Quran Dalam Wacana & Prilaku*. Jakarta: Inisiasi Press.
- Fuad Abdul Aziz Asy-Syalhub (2013). *Adab Dalam Islam*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Ghazali Darusalam (2003). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ibrahim Abdul Mun'im Asy-Syarbini (2011). *Cara Mudah Menghafal Al-Quran*. (terj). Muhammad Akhyar Lc & Ahmad Fadhil Shahrir. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Tajulripin Sulaiman (2008). *Memperkasakan Pendidikan Negera & Isu Cabaran*. (ed).
- Wan Zah Wan Ali. Serdang: UPM
- Mohd Sabri Mohammed (2007). *Fahami Al-Quran Menurut Kaedah Para Ulama*. Karya Bestari Sdn Bhd: Selangor.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2011). *Peribadi Muslim*. Selangor: Yamani Angle Sdn Bhd.
- Md Ferdouse Khan (2007). *What is Al-Quran*. Malaysia: A.S. Noordeen.
- Muhammad Zul Helmi (2011). *Keajaiban Ayat Al-Kursi*. Kuala Lumpur: Mulia Terang Sdn Bhd.
- Muhammad Abdel Haleem (2006). *Understanding The Quran Themes and Style*. New York: I.B Tauris & Co Ltd.
- Mohd Yusuf Ahmad, PhD (2013). *Pendidikan Al-Quran Kunci Menjiwai Kalam Tuhan*. Selangor: PTS Darul Furqan Sdn Bhd.
- Nawawi, Imam (2005). *Tata-Tertib Pengajian Al-Quran* (terj). Syed Ahmad Semat. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Noraien Mansor (2015). *IQRA' Satu Perjalanan*. Terengganu: Penerbit UMT
- Nizam Abd Latib (2014). *Beramal Dengan Ayat-Ayat Al-Quran*. Selangor: A TO Z Media.
- Rashidi bin Abbas (2010). *Teras Pembangunan Modal Insan dan Komunikasi*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Rashidi Abbas. (2014). *Asas Pembangunan Soft Skills Pelajar Muslim: Idaman Majikan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang
- RDU 1403166 . Pembangunan Teknik Intervensi Untuk Meningkatkan Kemahiran Hafazan al-Quran .
- Rashidi Abbas, Jamal Rizal Razali, Muhammad Nubli Abd Wahab (2016). *Anjakan Minda Huffaz Belia Malaysia*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang
- Rashidi Abbas (2016). *Hebatnya Kuasa Hafazan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (Manual)
- Yusuf Al-Qaradhawi Dr Prof, (2000). *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Quran*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, PhD (2013). *Hebatnya Kuasa Hafazan*. Selangor: PTS Islamia Sdn Bhd.



*Proceeding International Conference On  
International Multidisciplinary Academic Conference (IMAC), 2018  
(eISBN: 978-967-14835-4-1))  
Casuarina Hotel, Ipoh, Perak*

Zulkifli Mohamad Al-Bakri, PhD (2011). *Tafsir Ayat Ahkam*. Selangor: PTS Darul Furqon Sdn Bhd.